

18 JUN 2021 (JUMAAT)

4 PST Fama catat jualan lebih RM400k

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang mencatat jualan lebih RM408,120 di empat Pasar Segar Terkawal (PST) yang diadakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Program jualan selama dua minggu bermula 1 Jun lalu menggunakan sistem pandu lalu menawarkan harga lima hingga 20 peratus lebih murah pelbagai hasil pertanian, ternakan dan ikan air tawar.

Pengarahnya Noh Nik Wan berkata, empat PST di negeri ini membabitkan PST Pejabat Fama Pahang di Batu Lima, PST Jerantut, PST Pekan dan PST Chini.

PST Bera hanya dikhususkan untuk jualan secara

borong sahaja.

Menurutnya, sejak dibuka seramai 2,400 pengguna berkunjung ke PST bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan, mereka datang menggunakan 715 kenderaan yang lalu di hadapan setiap gerai jualan disediakan.

Katanya, PST Jerantut meraih jualan tertinggi dengan jumlah RM145,390 diikuti PST Pejabat Fama Pahang (RM127,340), PST Chini (RM60,410), PST Bera (RM42,180) dan PST Pekan (RM32,800).

"Seramai 115 peniaga berniaga disemua empat PST di negeri ini, mereka menjual pelbagai barangan segar seperti sayuran, buah-buahan, daging segar dan ikan.